



**MAJLIS PERBANDARAN AMPANG JAYA**  
**BAHAGIAN PERHUBUNGAN AWAM DAN SEKRETARIAT**  
MENARA MPAJ, JALAN PANDAN UTAMA,  
PANDAN INDAH, SELANGOR,  
55100 KUALA LUMPUR

**KERATAN AKHBAR  
08 APRIL 2019 (ISNIN)**

**AKHBAR**

**MUKA SURAT**

**Sinar Harian**

- Pakaian menggambarkan jati diri	22
- Tukar gerai kepada kioks	22



MAJLIS PERBANDARAN AMPANG JAYA  
BAHAGIAN PERHUBUNGAN AWAM DAN SEKRETARIAT  
MENARA MPAJ, JALAN PANDAN UTAMA,  
PANDAN INDAH, SELANGOR,  
55100 KUALA LUMPUR

KERATAN AKHBAR  
08 APRIL 2019 (ISNIN)

Akhbar	Sinar Harian
Tajuk Berita	Pakaian menggambarkan jati diri
Muka Surat	22

22

## AMPANG. HULU LANGAT

SH 8/4/19 M/S 22  
Pakaian menggambarkan jati diri

PANDAN JAYA – Pemakaian membuktikan jati diri individu dan meningkatkan keyakinan ketika berhadapan dengan golongan tertentu.

Bagaimanapun, pakaian berkenaan tidak semestinya berjenama tetapi perlu sesuai dengan majlis atau lokasi yang dihadiri.

ADUN Pandan Indah Ir Izham Hashim berkata, pelbagai kaum di negara ini menjadi faktor keunikan berpakaian selain dapat belajar budaya masyarakatnya.

"Orang lain akan *respect* bukan disebabkan individu itu ada duit, pandai cakap atau kacak, tetapi dia harus pandai dalam urusan penampilan diri.

"Saya pernah menegur penampilan pakaian seorang ahli politik ketika melawat sebuah rumah ibadat yang dilihat tidak sesuai dengan lokasi tersebut.

"Apa yang kita buat, cara kita ber-

 *Saya pernah menegur penampilan pakaian seorang ahli politik ketika melawat sebuah rumah ibadat." - Ir Izham*

cakap, berjalan dan penampilan diri memberi kesan kepada hubungan kita dengan orang ramai," katanya ketika berucap pada Majlis Perasmian Kursus Penampilan Diri dan Pembentukan Imej Profesional, di sini, semalam.

Turut hadir Ahli Majlis MPAJ K Thanabal, Lim Tim Chai dan Pengurus Pusat Khidmat Masyarakat DUN Pandan Indah, Nariza Zain.

Majlis anjuran Jawatankuasa Penduduk Zon 16 Majlis Perbandaran Ampang Jaya (MPAJ)



Izham bergambar bersama tetamu dan peserta kursus Penampilan Diri dan Pembentukan Imej Profesional, semalam.



**MAJLIS PERBANDARAN AMPANG JAYA**  
**BAHAGIAN PERHUBUNGAN AWAM DAN SEKRETARIAT**  
MENARA MPAJ, JALAN PANDAN UTAMA,  
PANDAN INDAH, SELANGOR,  
55100 KUALA LUMPUR

**KERATAN AKHBAR**  
**08 APRIL 2019 (ISNIN)**

Akhbar	Sinar Harian
Tajuk Berita	Tukar gerai kepada kioks
Muka Surat	22

ISNIN 8 APRIL 2019 • SINAR HARIAN

HUBUNGI SKUAD AMPANG / HULU LANGAT: ISMADI ISMAIL- 019 3371003 / 019 6680275

### *Tukar gerai kepada kiosk*



Penerima Anugerah Perkhidmatan Cemerlang bersama Abd Hamid selepas majlis penyampaian anugerah itu.

84 8/4/19 MLS 22

AMPANG – Majlis Perbandaran Ampang Jaya (MPAJ) akan menukar gerai statik kepada kendara saji bagi mengindahkan sekitar kompleks membelah Ampang Point.

Yang Dipertua MPAJ, Datuk Abd Hamid Hussain berkata, usaha itu sebagai mengambil saranan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan (PKPT), Zuraida Kamaruddin untuk menaiktaraf kawasan tersebut.

Menurutnya, lokasi Ampang Point juga akan diberi perhatian dalam konteks kebersihan termasuk mengindahkan laluan belakang.

"Beliau mahu perseki-

taran berdekatan sebuah bank di Ampang Point itu teratur dan bersih," katanya.

Abd Hamid turut memaklumkan pihaknya sedang merangka cadangan menyediakan Kompleks Kolam Renang Awam.

"Kita juga meneliti cadangan menaiktaraf gerai makan di Jalan Kolam Air Lama, projek pemasangan kamera litar tertutup di kawasan kritis.

"Penggantian lampu LED kini sedang giat dijalankan secara berperingkat," katanya.

Menurutnya, menteri berkenaan turut meluluskan beberapa projek termasuk membaiki longkang U-Drain di Taman Watan, membina sambungan jalan di Pandan Mewah, menaik taraf longkang dan pembinaan laluan jalan kaki bumbung di Taman Pandan Jaya.

"Selain itu, projek pembangunan gelanggang futsal di Taman Sri Raya. Kerjasama yang baik di antara MPAJ dan KPPT diharap berterusan terutama dalam menyediakan kemudahan kepada penduduk Ampang Jaya keseluruhannya," katanya ketika berucap pada Majlis Anugerah Perkhidmatan Cemerlang.

Pada majlis itu seramai 64 warga MPAJ menerima Sijil Anugerah Perkhidmatan Cemerlang.